


Kronologi Pendudukan British di Pulau Pinang

Perebutan takhta Kesultanan Kedah

- Perebutan takhta berlaku apabila Sultan Muhammad Jiwa melantik Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah.
- Kerabat Diraja Kedah yang tidak bersetuju dengan pelantikan tersebut telah berpakat dengan Bugis di Selangor untuk menentang Sultan Muhammad Jiwa.
- Sultan Muhammad Jiwa memohon bantuan ketenteraan daripada SHTI untuk mempertahankan kedaulatan negeri daripada serangan Bugis.
- SHTI menghantar Edward Monckton berunding dengan Sultan Muhammad Jiwa, namun gagal kerana SHTI tidak memberi jaminan akan melindungi Kedah daripada ancaman musuh.



Ancaman Siam

- Semasa pemerintahan Sultan Abdullah, Siam menuntut kembali penghantaran bunga emas daripada Kedah yang terhenti semasa Perang Siam-Burma.
- Sultan Kedah berasa tergugat lalu menawarkan Pulau Pinang sebagai pangkalan kepada SHTI dengan syarat SHTI akan memberikan bantuan ketenteraan dan melindungi Kedah daripada ancaman Siam.
- Baginda meminta seorang pedagang persendirian, iaitu Francis Light untuk menyampaikan syarat-syarat tersebut kepada Gabenor British di India.



Tipu helah Francis menduduki Pula Pinang

- Menyedari kepentingan kedudukan Pulau Pinang yang strategik, Francis Light telah berjanji bahawa SHTI akan memenuhi syarat yang dipohon oleh Sultan Kedah.
- Berpegang kepada janji tersebut, Sultan Abdullah membenarkan Francis Light membuka petempatan di Pulau Pinang pada tahun 1786.
- Francis Light telah menamakan Pulau Pinang sebagai *Prince of Wales Island* dan petempatan mereka dinamakan Georgetown sempena nama Raja England.

